

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)51

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

51. Apakah bilangan permohonan lesen nelayan yang ditolak di Pulau Pinang sejak 2023?
- (a) Apakah program bantuan minyak negeri sementara untuk nelayan yang tiada lesen aktif?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu kelayakan lesen agar nelayan kembali layak subsidi Persekutuan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

51. Jabatan Perikanan (DOF) bertanggungjawab untuk mengeluarkan Lesen Sampan Khas (LSK) kepada nelayan yang layak serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Pemohon perlu memenuhi kriteria dan lulus semakan dokumentasi, temuduga serta tapisan vesel layak layar. DOF telah mengeluarkan surat pembatalan lesen kepada 504 orang nelayan di Negeri Pulau Pinang pada 12 November 2024 atas faktor pemilik lesen tersebut tidak memperbaharui lesen selama tiga (3) tahun berturut-turut.

Pada tahun 2024, sebanyak 76 permohonan telah berjaya manakala satu (1) permohonan tidak berjaya kerana isu penipuan. Pada tahun 2025 pula, sebanyak 174 permohonan telah diterima untuk Fasa 1 dan keputusan DOF Malaysia telah menolak lapan (8) permohonan dari Fasa 1 ini atas faktor pemohon ditahan polis dan tidak hadir proses tapisan lesen. Manakala DOF Malaysia masih memproses kelulusan bagi 50 permohonan untuk Fasa 2. Jumlah nelayan yang berjaya memperoleh LSK sehingga kini adalah seramai 296 orang dan 319 orang lagi telah gagal. Baki kuota yang masih dibuka untuk permohonan baharu LSK adalah sebanyak 154.

- (a) Bantuan di bawah Skim Minyak Bersubsidi Diesel dan Petrol yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) hanya layak dipertimbangkan kepada nelayan yang mempunyai lesen vesel yang aktif.
- (b) Nelayan perlu mendapatkan lesen vesel daripada DOF untuk layak menikmati bantuan di bawah Skim Minyak Bersubsidi Diesel dan Petrol.